

16 NOV 1999
Rafidah-Tanding
RAFIDAH NAFI DIGUGUR

KUALA KANGSAR, 16 Nov (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini menafikan khabar angin kononnya beliau akan digugurkan daripada senarai calon, sebaliknya berkata penyandang bagi kerusi Parlimen Kuala Kangsar dan dua kerusi Dewan Undangan Negeri di kawasan itu patut dikekalkan.

"Saya tidak tahu mengenai khabar angin itu...kenyataan saya kepada PM (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pada Jumaat ialah bahawa kami berharap semua penyandang (di Kuala Kangsar) terus dikekalkan," katanya kepada pemberita sebelum menghadiri mesyuarat jentera pilihan raya Wanita Barisan Nasional Kuala Kangsar di sini.

Rafidah yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata beliau akan menyokong sesiapa sahaja yang dipilih oleh presiden parti untuk bertanding di Kuala Kangsar dan sebagai anggota Parlimen bagi kawasan itu selama empat penggal, beliau telah menjalankan kerja di peringkat akar umbi yang diperlukan.

Rafidah telah bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Kuala Kangsar sejak pilihan raya umum 1982 dan bagi pilihan raya umum 1995, beliau mengalahkan calon S46 Datuk Khalid Nasir dengan majoriti 10,649 undi.

Dua kerusi negeri ialah Manong yang dipegang anggota exco kerajaan negeri Ramly Zahari dan Bukit Chandan dipegang oleh Ahmad Jaafar dari 1995.

Rafidah berkata beliau yakin bahawa pengundi di Kuala Kangsar akan terus memilih calon BN dalam pilihan raya umum ini kerana mereka telah berkhidmat dengan baik selama ini.

"Kami berbeza daripada calon pembangkang yang hanya datang ke Kuala Kangsar apabila ada pilihan raya umum. Sebelum itu anda tidak nampak bayang mereka," katanya.

Rafidah juga berkata semasa perjumpaannya dengan Dr Mahathir, beliau telah menyerahkan senarai calon Wanita Umno yang berpotensi di seluruh negara yang beliau fikir perlu diberi peluang untuk bertanding dalam pilihan raya umum ini.

"Nama, penyandang dan muka baru itu disenaraikan berdasarkan pengalaman saya sendiri dengan mereka," katanya.

Rafidah juga berkata bahawa beliau telah meminta penyokongnya untuk mencatat sebarang serangan peribadi yang dibuat oleh pembangkang terhadapnya dalam ceramah mereka agar beliau boleh mengambil tindakan sepatutnya selepas pilihan raya umum.

"Sebarang serangan peribadi terhadap saya, saya tidak akan maafkan," katanya.

-- BERNAMA
HJ RHM MAI